



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES SARAWAK**

Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar,
Department of Veterinary Services Sarawak Headquarters,
Lot 877, Jalan Semenggok, Off Batu 12, Jalan Kuching - Serian,
93250 KUCHING, SARAWAK.

No. Telefon : 082 - 628248 / 249 / 250 / 255
No. Faks : 082 - 628227
Emel : dvs@sarawak.gov.my
Portal Rasmi : www.dvs.sarawak.gov.my



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (35) DVS/HQ/600-1/2/4/Vol.1
Tarikh : 14 September 2020

KEPADA SEMUA PEMILIK KUDA DI SARAWAK

YBhg Dato'/Tuan/Puan,

LARANGAN KEMASUKAN KUDA KE SARAWAK DAN LARANGAN PEMINDAHAN KUDA ANTARA DAERAH DI SARAWAK

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengesan RNA virus penyakit ***African Horse Sickness (AHS)*** melalui ujian RT-PCR di negeri Terengganu seperti dalam lampiran memo ruj. JPV/PBS(K)600-1/2/8(19).

3. Bagi memastikan populasi kuda tempatan di Sarawak tidak terjejas oleh AHS, **kemasukan kuda ke dalam negeri Sarawak** adalah **dilarang** dan pemindahan kuda antara daerah juga dilarang. Langkah biosekuriti untuk semua pemilik kuda di Sarawak adalah seperti berikut:

- a) Tiada pergerakan kuda masuk dan keluar dari premis/stable masing-masing.
- b) Kuda yang menunjukkan tanda-tanda seperti demam yang tinggi, hidung serta mata berair/bengkak, kurang selera makan atau kesukaran bernafas hendaklah diasingkan dari kuda lain di dalam premis yang sama dan laporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) dengan serta merta.
- c) Kuda yang sakit tidak boleh dipindahkan dari kandang masing-masing ke kemudahan lain tanpa perhatian dan kelulusan dari JPVS.

- d) Memastikan premis/stable berada dalam keadaan yang bersih. Sila pastikan tiada air yang bertakung dan pastikan saliran air dan tadahan air sentiasa dibersihkan setiap hari.
- e) Pemasangan jaring di premis/stable dan kawalan nyamuk *Culicoides spp.* bagi mengelakkan sebarang gigitan.

4. Semua persatuan kuda/pemilik kuda dan kuda padi hendaklah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak untuk menjalankan surveilan klinikal dan persampelan di premis/stable anda bagi menjaga status penyakit kuda di negeri Sarawak. Pejabat ini boleh dihubungi secara aplikai *Whatsapp* di talian 016-2557267 atau Ketua Unit Surveillant Cik Cassandra di talian 082-624248.

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**BERSATU BERUSAHA BERBAKTI
'AN HONOUR TO SERVE'**



DR. ADRIAN SUSIN AMBUD

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak

s/k:

- 1) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Sarawak (Kesihatan Veterinar dan Pematuhan), Dr Stephen Gabriel
- 2) Ketua Penolong Pengarah (Kesihatan Awam Veterinar), Dr. Nicholas Jenek
- 3) Ketua Penolong Pengarah (Regulatori), Dr. Chuo Hock Tieng
- 4) Ketua Penolong Pengarah (Kesihatan Haiwan), Dr. Andrea Lim Li Li
- 5) Ketua Pegawai Penguatkuasa En. Chia Cheok Hua
- 6) Pegawai Penguasa Makmal Diagnosa Veterinar Negeri Sarawak, Dr. Roynston Albert Julin
- 7) Ketua Unit Survelan dan Pemantauan, Penolong Pegawai Veterinar Cassandra Ch'ng Duan Shu
- 8) Fail

SENARAI EDARAN DALAMAN:

- 1) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Kuching
- 2) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Samarahan
- 3) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Serian
- 4) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Sri Aman
- 5) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Betong
- 6) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Sarikei
- 7) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Sibul
- 8) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Kapit
- 9) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Mukah
- 10) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Bintulu
- 11) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Miri
- 12) Ketua Perkhidmatan Veterinar Bahagian Limbang